

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 8, 2019 12:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pelaksanaan Amalan 5S Dan Pengurusan Lean Persediaan Penilaian QE/5S



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 MEI 2019 / 3 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Hajar Mat Isa
Gambar oleh: IPQ

BENGKEL PELAKSANAAN AMALAN 5S DAN PENGURUSAN LEAN PERSEDIAAN PENILAIAN QE/5S



UUM ONLINE: Sebagai persediaan Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) yang akan dilaksanakan pada bulan Ogos nanti, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan Amalan 5S dan Pengurusan Lean di Bilik Mesyuarat Eksekutif I IPQ, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti IPQ, Dr. Rohaizah Saad berkata, bengkel itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada staf universiti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami keperluan yang terdapat dalam amalan 5S dan Pengurusan Lean.

Menurutnya, pada tahun ini, 5S telah dimasukkan dalam KPI Teras 2 yang mana setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pengajian (PP) perlu mencapai 3 bintang semasa audit Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) pada bulan Ogos nanti bagi memenuhi KPI tersebut.

“Saya berharap semua PTJ dan PP dapat memberi sokongan kepada pihak IPQ untuk sama-sama membantu universiti dalam mencapai agenda Amalan Persekitaran QE/5S di UUM,” katanya.

Bengkel selama sehari yang disertai 50 staf pelbagai PTJ dan PP itu telah dikendalikan Pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Dr. Mohd Norhasni Mohd Asaad.

Di akhir bengkel, peserta telah diberi tugas untuk mengaudit kawasan persekitaran pejabat IPQ dengan menggunakan kriteria audit amalan 5S.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.